

Bekas jurutera mengaku terima RM10,000



SHAH ALAM: Seorang bekas jurutera wanita Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengaku bersalah terhadap tuduhan menerima rasuah RM10,000 daripada seorang kontraktor bagi memperoleh projek kira-kira tujuh tahun lalu di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Tertuduh, Nor Rafidah Dan, 48, yang ketika itu berkhidmat sebagai jurutera JPS Kuala Selangor mengaku menerima wang itu tanpa sebarang balasan daripada Othaman Mohamed yang diketahui tertuduh mempunyai kaitan dengan tugas rasminya sebagai jurutera.

Wang berkenaan dimasukkan ke akaun Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) cawangan Wisma Hicom, Glenmarie, milik

tertuduh pada 14 Ogos 1999.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang boleh dikenakan penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Badan Pencegah Rasuah (BPR), Mohd Hamzah Ismail manakala tertuduh diwakili peguam Zamani Ibrahim.

Terdahulu, Nor Rafidah turut menghadapi satu lagi tuduhan iaitu menerima kabinet kasut bernilai RM7,700 tanpa sebarang balasan daripada Othaman yang mana tertuduh mengetahui ia ada kaitan dengan dengan tugas rasminya.

Jurutera berkenaan didakwa melakukan perbuatan itu di No 25, Jalan Opu Daeng Chelak 9/2 di sini, antara 1 November 1998 dan 30 November 1998.

Sabit kesalahan itu, tertuduh turut didakwa mengi-

kut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Bagaimanapun, Zamani memberitahu mahkamah anak guamnya memohon tuduhan terbabit digugurkan tetapi hukuman terhadap tuduhan yang digugurkan itu diambil kira ketika pengakuan salah atau 'Taken Into Consideration' (TIC).

Ketika rayuan, Zamani memohon mahkamah mengambil kira beberapa faktor yang dialami anak guamnya sepanjang dihadapkan ke mahkamah.

Hakim Datuk Mariana Yahya menetapkan esok sebagai tarikh menjatuhkan hukuman.

Sementara itu, di luar mahkamah, seorang wanita dipercayai saudara tertuduh menghampiri wartawan sebelum menggertak dan mengugut supaya tidak menyiarkan kes berkenaan di akhbar.